KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	1/1/2022 (SABTU)	MUKA SURAT	:	1-3
JABATAN	:	JPN PAHANG			





Pak Wan mahu buru rekod ke-8 MBOR di Perth



68 kes Carilamat libatkan RM3.4 juta harta diselamatkan



Guna i-Citra RM1,000 bina pondok kecil tempat berteduh

BANJIR MELANDA

PERKASAKAN SUARA MALAYSIA

Syor siasat laporan JPNP

Aktivis ragui kenyataan yang menyebut tiada aktiviti pembalakan

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN


Longgokan sisa kayu dan balak di Sungai Kerau yang dihanyutkan oleh banjir di Sungai Kerau dalam banjir baru-baru ini.


Sisa pokok dan balak yang merosakkan beberapa rumah penduduk di Kampung Baru Sungai Perdak.


Mohd Shukri menunjukan timbunan sisa balak ketika ke lokasi banjir di Kampung Telemong.

Kerajaan Persekutuan digesa menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menyiasat secara telus dan menyeluruh laporan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) berhubung kenyataan tiada sebarang aktiviti pembalakan di kawasan hutan di daerah Bentong.

Aktivis Masyarakat, Mohd Shukri Mohd Ramli berkata, penubuhan jawatankuasa khas itu perlu bagi memastikan kesahihan laporan oleh JPNP.

Menurutnya, rakyat juga tidak percaya bahawa tiada sebarang aktiviti pembalakan kerana secara jelas dapat dilihat himpunan sisa kayu balak yang banyak terdampar di dua lokasi iaitu di jalan Bentong-Karak dan Jambatan Sri Telemong.

"Kita ada membuat semakan dari udara melalui peta dunia dan mendapati banyak kawasan hutan telah digondol dengan rakus terutamanya di kawasan sekitar Sungai Kerau dan Sungai Telemong.

"Kita percaya kejadian banjir lumpur dan himpunan sisa kayu balak yang terdampar berpunca daripada aktiviti penebangan balak sama ada secara sah atau sebaliknya. Jadi, kita meragui laporan JPNP yang dibuat pada Khamis.

"Atas sebab itu, kita mahu satu jawatankuasa khas ditubuhkan segera oleh kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air dengan kerjasama kerajaan Pahang serta penglibatan badan bukan kerajaan (NGO) bagi melakukan siasatan secara terperinci mengenai tragedi itu," katanya.

Pada Khamis, JPNP mengesahkan tiada sebarang aktiviti pembalakan sama ada secara sah atau haram di dalam Hutan Simpan Lentang, Bentong.

Pengarah JPNP Pahang, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin bagaimanapun dilaporkan berkata, kejadian itu berpunca daripada kepala air di kedua-dua lokasi terbabit yang bermula di Hutan Simpan Lentang susulan hujan lebat berterusan selama tiga hari bermula 16 Disember lalu.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Mohd Shukri mendakwa laporan yang dikeluarkan tidak tepat dan seolah-olah cuba menutup kebenaran.

"Kenapa hendak menafikan perkara ini, sedangkan pembalakan wujud dan kegiatan itu sebenarnya menjadi punca berlakunya banjir lumpur.

"Dalam isu sebegini, perlu ada ketelusan kerana rakyat melihat kebenaran yang didakwa cuba disembunyikan oleh JPNP dan kerajaan Pahang" ujarnya.


Sisa pokok dan balak yang merosakkan beberapa rumah penduduk di Kampung Baru Sungai Perdak.


Kawasan dipercayai pusat pengumpulan balak yang berkeluasan dua ekar di pertengahan hulu sungai tersebut iaitu di Mini Hidro Sungai Perdak.



Aktiviti pembukaan tanah meningkat sejak lima tahun lepas



WONG TACK

BENTONG - Ahli Parlimen Bentong, Wong Tack mendakwa bahawa kejadian longgokan sisa pokok dan kayu balak di beberapa sungai di sini berlaku kerana kesan kumulatif pembukaan hutan yang banyak berlaku di sekitar kawasan berkenaan.

Menurut beliau, penanaman getah dan pokok musang king didapati telah meningkat sejak lima tahun lalu di sekitar kawasan tersebut.

Katanya, kegiatan pembalakan juga dipercayai ada berlaku di bahagian atas Sungai Perdak di sini.

"Ia mengambil masa (kesan pembukaan tanah) dan dalam beberapa tahun ini banyak aktiviti pembukaan hutan dan tanah. Jadi ini memang satu risiko," katanya ketika mengulas mengenai punca longgokan tanah di beberapa sungai di sini.

Pada masa sama, beliau berkata, kejadian banjir yang disifatkannya sebagai sangat serius itu dilihat telah memberikan kesan yang sangat teruk kepada masyarakat di kawasan itu.

"Ada yang hilang semua. Ada yang hilang rumah, walaupun rumah masih ada tapi semua harta seperti kereta, perabot, semua habis," ujarnya.

Kawasan penerokaan hutan berhubung dengan sungai

Terdapat pembukaan hutan berskala besar dipercayai bagi tujuan pertanian dan pembalakan

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

BENTONG

Di sebalik penafian Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) mengenai aktiviti pembalakan yang menyebabkan longgokan sisa pokok dan balak di Sungai Telemong, tinjauan di sekitar kawasan berhampiran pula mendapati sebaliknya.

Wartawan *Sinar Harian* yang berada di lokasi pada Khamis menyaksikan terdapat pembukaan hutan berskala besar dipercayai bagi tujuan pertanian dan pembalakan ditemui berhampiran dua sungai yang berhubung dengan Sungai Telemong.

Menerusi pemerhatian wartawan *Sinar Harian* bersama Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (Peka), dua kawasan pembukaan hutan itu berlaku di Sungai Perdak dan Sungai Timbul.

Di Sungai Perdak, satu tempat dipercayai menjadi pusat pengumpulan balak berkeluasan lebih kurang dua ekar telah ditemui di pertengahan hulu sungai tersebut iaitu di Mini Hidro Sungai Perdak.

Tinjauan dengan menggunakan dron juga menunjukkan terdapat beberapa laluan yang dipercayai digunakan bagi aktiviti pembalakan dan pertanian di atas kawasan sungai tersebut.

Selain daripada tahap hakisan yang teruk di sepanjang tebing sungai tersebut, air di Sungai Perdak juga masih berwarna lumpur meskipun kejadian banjir sudah reda hampir dua minggu.



Bagaimanapun, cubaan untuk melakukan tinjauan di bahagian atas kawasan berkenaan tidak dapat dilakukan kerana laluan tersebut tidak dapat dilalui akibat tanah runtuh.

Selain itu, kesan dan longgokan sisa pokok dan balak akibat banjir yang berlaku pada 19 Disember lalu juga boleh dilihat di Kampung Baru Sungai Perdak, di sini sehingga turut menyebabkan kerosakan teruk kepada beberapa buah rumah.

Sementara itu, imej satelit berpandukan Google Earth pula menunjukkan kesan penerokaan hutan dipercayai untuk tujuan pembalakan turut dikesan di kawasan hulu Sungai Timbul yang bersambung dengan Sungai Kerau dan turut mengalir memasuki Sungai Telemong.

Pembukaan hutan yang berlaku di hulu Sungai Timbul tersebut dianggarkan seluas kira-kira 117 ekar.

Kawasan tersebut bagaimanapun tidak terletak di bawah hutan yang digazetkan sebagai hutan simpan dan hutan simpan yang terletak paling hampir ialah Hutan Simpan Lentang.

Sungai Timbul merupakan antara sungai dinyatakan oleh JPP sebagai tempat berlakunya kejadian kepala air pada 18 Disember lalu sehingga menyebabkan banjir yang menghanyutkan sisa kayu dan pokok di Jalan Bentong-Karak dan Jambatan Sri Telemong.

Menurut JPNP, selain Sungai Timbul, longgokan sisa pokok dan kayu itu turut disumbang oleh kejadian kepala air di Sungai Temeriak dan Sungai Kerau yang bermula di Hutan Simpan Lentang, akibat hujan lebat berterusan selama tiga hari, bermula 16 Disember lalu.

Dalam pada itu, Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (Peka) Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, meskipun mengakui banjir kali ini berlaku disebabkan oleh kejadian kepala air akibat hujan berterusan, namun beliau percaya longgokan sisa pokok dan kayu itu juga berpunca daripada aktiviti pembalakan yang berlaku di bahagian hulu sungai.

Malah katanya, pembalakan menjadi menyumbang kepada keadaan banjir lebih buruk sehingga mengakibatkan kerosakan harta benda yang teruk dan turut membabitkan kehilangan nyawa.

"Kita kena tahu sungai kita semua bertemu dengan sungai lain. Jadi kalau daripada hulu sungai atas bukit dah ada pembalakan sama ada yang dulu atau sekarang. Jadi kayu-kayu itu semua dah berkumpul.

"Pembalak ini akan tarik kayu balak dan kayu yang tidak ada harga mereka akan tinggalkan. Jadi itulah yang terjadi bila kayu-kayan ditinggalkan.

"Bila hujan lebat, kayu itu akan masuk sungai dan rempuh laluan dan segala yang ada di depan termasuk rumah penduduk," katanya.

LAPORAN MUKA DEPAN

JADUAL WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	6:15	7:30	1:24	4:45	7:16	8:31
ALOR SETAR	6:16	7:27	1:24	4:45	7:16	8:31
PULAU PINANG	6:15	7:27	1:25	4:47	7:18	8:33
IPOH	6:10	7:21	1:22	4:45	7:17	8:32
KOTA BHARU	6:08	7:22	1:17	4:38	7:09	8:20
KUALA TERENGGANU	6:03	7:16	1:13	4:35	7:07	8:21
KUANTAN	6:00	7:13	1:14	4:37	7:11	8:26
KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	6:06	7:18	1:19	4:42	7:17	8:31
SHAH ALAM	6:06	7:18	1:19	4:42	7:17	8:31
SEREMBAN	6:03	7:16	1:18	4:41	7:16	8:31
BANDAR MELAKA	6:02	7:15	1:17	4:40	7:16	8:30
JOHOR BAHRU	5:54	7:08	1:11	4:35	7:11	8:25